

24 MAY 2002

Jordan-Hari Kebangsaan

MALAYSIA UTUS UCAP TAHNIAH KEPADA JORDAN

KUALA LUMPUR, 24 Mei (Bernama) -- Malaysia mengutuskan ucap selamat serta tahniah kepada seluruh rakyat Jordan sempena Hari Kebangsaan negara itu hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dalam perutusannya kepada Raja Abdullah II. berharap Raja Jordan itu dikurniakan kesihatan yang baik dan kegembiraan oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

"Beta juga berdoa agar Allah sentiasa melimpahkan kejayaan dan kemakmuran kepada Jordan di bawah pemerintahan Tuanku yang bijaksana dan cekap," titah Seri Paduka.

Perutusan Yang di-Pertuan Agong serta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dikeluarkan di sini oleh Wisma Putra.

Dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Ali Abul Ragheb, Dr Mahathir melahirkan harapan agar sempena sambutan itu, Jordan akan terus menikmati kejayaan, kemakmuran dan kejayaan.

"Saya harap, kita dapat terus meneroka pelbagai bidang kerjasama antara kedua-dua negara demi faedah rakyat masing-masing. Saya berharap dapat bekerjasama rapat dengan tuan bagi memperkukuhkan lagi hubungan kita," katanya.

Sementara itu, Syed Hamid dalam perutusan kepada rakan sejawatannya, Marwan Muasher berkata beliau menghargai hubungan baik yang wujud antara kedua-dua negara sekarang.

"Saya harap dapat bekerjasama rapat dengan tuan bagi mengeratkan lagi hubungan yang sedia ada bagi faedah rakyat kedua-dua negara," kata beliau.

-- BERNAMA

MAD ZS SP RON